

PROSIDUR STANDARD OPERASI (SOP)
KEBENARAN BEROPERASI SERTA PERGERAKAN PEKERJA BAGI
SYARIKAT-SYARIKAT DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

I. PERMOHONAN

1. Semua syarikat diminta untuk **mengemukakan maklumat** seperti melalui satu sistem Portal.
2. Portal ini boleh diakses melalui **www.miti.gov.my**
3. Selain daripada MITI, Kementerian dan Agensi berikut juga akan mempunyai akses ke portal tersebut:
 - a) Kementerian Kesihatan
 - b) Kementerian Dalam Negeri
 - c) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna
 - d) Kementerian Sumber Manusia
 - e) Kementerian Kerja Raya
 - f) Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani
 - g) Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
 - h) Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi
 - i) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
 - j) Majlis Keselamatan Negara
 - k) Polis Diraja Malaysia (PDRM)
 - l) Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB)
 - m) SME Corp. Malaysia
 - n) Lain-lain Kementerian dan Agensi mengikut keperluan
4. Semua maklumat yang telah dikemukakan di dalam sistem Portal berkenaan akan disalurkan kepada Kementerian dan Agensi yang berkaitan bagi pemprosesan. Kementerian dan Agensi yang berkenaan akan mengemukakan pandangan sama ada syarikat boleh meneruskan operasi.

5. Setiap permohonan akan dipertimbangkan **berdasarkan kelayakan, kriteria dan syarat** yang telah ditetapkan.
6. Pemprosesan permohonan akan melibatkan rujukan silang (*cross-referencing*) dengan pelbagai pangkalan data yang relevan di peringkat Kementerian dan Agensi.
7. Semua permohonan perlu disertai dengan Ikrar Aku Janji, di mana Majikan berikrar akan melaksanakan fungsi dan tanggungjawab seperti yang ditetapkan di dalam SOP ini, serta panduan oleh KKM dan lain-lain agensi Penguatkuasaan yang berkaitan.
8. Kriteria dan syarat ini termasuklah tanggungjawab majikan bagi memaklumkan kepada MITI sekiranya terdapat pekerja yang positif COVID-19.
9. Sekiranya Sekiranya ada syarikat atau entiti perniagaan yang tidak begitu jelas disenaraikan sebagai industri yang dibenarkan beroperasi, tetapi tetap ingin beroperasi, permohonan masih boleh dibuat melalui sistem Portal berkenaan.
10. **Keputusan** berkaitan permohonan boleh dicapai di dalam sistem Portal. Sebarang **rayuan** akan dipertimbangkan secara *case-by-case* dan keputusan rayuan boleh dicapai dalam tempoh 5 hari bekerja.

II. SYARIKAT/TEMPAT KERJA

11. Syarikat hendaklah mengurangkan bilangan pekerja kepada tahap paling minimum atau sehingga ke tahap sebanyak 70% daripada jumlah semasa atau yang berdaftar, bagi pengeluaran di dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD). Syarikat hendaklah mewujudkan sistem bekerja dari rumah yang sesuai bagi pekerja yang tidak terlibat dengan aktiviti syarikat yang kritikal.

12. Kebenaran beroperasi syarikat adalah mengikut zon yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara dan tertakluk kepada peraturan-peraturan semasa yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara.
13. Waktu beroperasi syarikat adalah tertakluk kepada tempoh waktu yang dinyatakan di dalam Prosidur Standard Operasi sektor masing-masing. Walaubagaimanapun Pihak Berkuasa Tempatan berhak untuk menentukan waktu operasi bagi kawasan atau negeri masing-masing.
14. Syarikat dikehendaki untuk memberi keutamaan kepada memenuhi permintaan/keperluan produk keluaran atau perkhidmatan bagi pasaran tempatan sepenuhnya.
15. Syarikat hendaklah mengemukakan kepada MITI senarai pekerja yang terlibat semasa tempoh PKP dan memastikan pergerakan pekerja terbabit hanya terhad dari rumah ke kilang/premis sahaja.

Nota:

a) Perlu menghadkan jumlah pelawat ke premis

b) Menggalakkan syarikat membuat mesyuarat secara maya

16. Syarikat hendaklah melantik seorang atau lebih penyelararas bagi membuat penyelararas langkah-langkah pencegahan penularan wabak COVID-19 di tempat kerja. Sebaiknya penyelararas hendaklah terdiri daripada Pegawai Keselamatan dan Kesihatan (SHO), Penyelararas Keselamatan dan Kesihatan (OSH-C) atau Penyelia Tapak Bina (SSS) yang berdaftar atau tersenarai dalam daftar Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), atau Setiausaha Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan di tempat kerja. Penyelararas yang dilantik hendaklah melaporkan status pematuhan syarat-syarat kebenaran beroperasi yang ditetapkan kepada MITI dan JKKP.
17. Syarikat perlu memberi taklimat yang sesuai kepada pekerja berkenaan penyakit COVID-19 dan langkah-langkah pencegahan yang perlu diikuti.

18. Alat pelindung diri yang sesuai perlu diberikan kepada pekerja yang bekerja di sektor yang berkaitan. Setiap pekerja dibekalkan alat pelindung diri (PPE) bersesuaian seperti penutup hidung dan mulut (*mask*) secukupnya mengikut keperluan.

Nota:

a) Bagi industri yang mempunyai pekerja yang perlu berurusan kerap dengan orang ramai (seperti Pegawai Perhubungan Awam, Juruwang, Petugas / Pekerja Kaunter dan lain-lain) anggota kemungkinan memerlukan alat perlindungan diri tambahan selain daripada penutup hidung dan mulut seperti face shield visor atau mana-mana alat yang berkaitan)

b) Bagi industri kesihatan, pengamal perubatan perubatan, perlu memakai alat perlindungan diri seperti di Annex 8 Infection Prevention and Control Measures Garis Panduan Pengurusan COVID-19 di Malaysia No.5/2020

19. Syarikat hendaklah menyediakan alat saringan suhu badan atau *thermal scanner* serta saringan gejala batuk, sakit tekak atau sesak nafas. Pengukuran suhu badan dan saringan gejala perlu dilakukan setiap hari di pintu masuk kilang/premis. Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan perlu memastikan anggota yang dilatih atau Pembantu Jururawat syarikat melakukan pengukuran suhu dan saringan pekerja. Bacaan bagi setiap pekerja hendaklah direkod dan disimpan untuk tempoh sekurang-kurangnya 3 bulan untuk rujukan.

Nota: Sekiranya berlaku jumlah ketidakhadiran pekerja yang ramai kerana demam atau bersimptom, perlu dilaporkan kepada Pejabat Kesihatan yang berdekatan

20. Sekiranya bacaan suhu badan ialah 37.5° Celcius atau lebih, atau mempunyai gejala, pekerja tidak dibenarkan memasuki premis syarikat dan syarikat perlu merujuk pekerja (dengan pekerja memakai *mask*) ke Klinik Panel Syarikat atau Klinik Kesihatan yang berdekatan.

21. Syarikat hendaklah menyediakan *hand sanitizer / disinfecting kits* di pintu masuk dan semua kawasan *common area* dan tempat-tempat lain yang berkaitan dalam kilang/premis, serta pemakaian *face mask* oleh setiap pekerja. Syarikat perlu sentiasa mengamalkan penjarakan sosial di premis.
22. Syarikat hendaklah menjalankan proses sanitasi pembasmian kuman di kilang/premis setiap kali sebelum *shift* atau operasi bermula mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.
23. Proses sanitasi dan pembersihan perlu dilaksanakan tiga (3) kali sehari terutamanya di kawasan umum (*common spaces*) seperti:
 - Lobi;
 - Lif;
 - Kafeteria;
 - Bilik-bilik mesyuarat;
 - Surau;
 - Bas/pengangkutan pekerja; dan
 - Pusat rekreasi tertutup.
 - Tandas
 - Mengosongkan tong sampah

Nota: Kemudahan surau dan tempat ibadat dalam premis industri perlu dikawal dengan amalan dua orang pada satu masa.

Aspek keselamatan pengurusan bahan kimia perlu diambil kira dalam proses sanitasi yang melibatkan penggunaan bahan kimia.

24. Syarikat hendaklah memastikan kenderaan pekerja telah menjalani proses sanitasi dan pembasmian kuman setiap kali sebelum digunakan.

25. Kenderaan pekerja yang disediakan oleh syarikat tidak dibenarkan untuk melintasi sempadan daerah/zon dan hanya dibenarkan untuk mengangkut pekerja di dalam daerah/zon berkenaan sahaja.
26. Syarikat hendaklah memastikan garis panduan amalan terbaik *social/safe distancing* disediakan (seperti tanda jarak 1m dilantai , meja dan kerusi) dan dilaksanakan khususnya di kawasan-kawasan seperti;
 - pengeluaran fasiliti (*production floor*);
 - kafeteria/kantin;
 - bilik-bilik mesyuarat;
 - surau,dewan serba guna (*multipurpose hall*) dan
 - tapak pembinaan.
27. Syarikat/tempat kerja hendaklah menyelenggara sistem pengudaraan di tempat kerja bagi memastikan ianya beroperasi secara efektif dan cekap.
28. Kafeteria/kantin di dalam premis syarikat hanya dibenarkan beroperasi bagi tujuan penyediaan makanan berbungkus oleh pengendali makanan yang memakai alat penutup hidung dan mulut dan sarung tangan dan memastikan *social/safe distancing* dilaksanakan. Hidangan secara buffet adalah tidak dibenarkan. Waktu rehat/makan tengah hari perlu dilaksanakan secara berperingkat (*staggered*).
29. Sekiranya terdapat pekerja yang dijangkiti COVID-19, syarikat adalah bertanggungjawab menanggung sepenuhnya semua kos perubatan, proses nyah cemar kuman di premis dan lain-lain kos yang berkaitan. Pihak syarikat perlu membantu dan memberi kerjasama sepenuhnya kepada Kementerian Kesihatan Malaysia dalam melaksanakan *contact tracing* pekerja yang telah dijangkiti COVID-19 dan pengurusan *contact*.
30. Syarikat perlu menyediakan kenderaan pengangkutan bagi pergerakan pekerja dengan menerapkan penjarakan *social/safe*

distancing dan kenderaan yang digunakan perlu dinyah cemar kuman setiap kali digunakan.

Nota:

- a) Pergerakan kenderaan pengangkutan pekerja adalah hanya dibenarkan dalam zon yang dibenarkan oleh pihak MKN sahaja*
- b) Industri digalakkan untuk menyediakan kemudahan asrama hostel untuk penginapan pekerja yang terletak dalam zon yang sama*
- c) Tertakluk kepada kemampuan syarikat, penggunaan hotel sebagai tempat penginapan pekerja boleh dipertimbangkan dalam zon yang sama.*

- 31. Syarikat digalakkan untuk memberikan pemahaman dan garis panduan menangani COVID-19 kepada rantaian nilai mereka.
- 32. Syarikat perlu mempunyai Protokol Tindak Balas Kecemasan (Emergency Response Protocol) yang menyatakan apa yang perlu dilakukan sekiranya berlaku kes jangkitan Covid-19 atau pun kes siasatan jangkitan Covid-19 terhadap pekerja.

III. PEKERJA

- 33. Semua pekerja hendaklah mematuhi prosedur pencegahan COVID-19 yang telah ditetapkan oleh KKM yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.
- 34. Sekiranya terdapat pekerja-pekerja yang berada di bawah pemerhatian KKM (*person under investigation*) atau di bawah perintah pemerhatian di rumah, pekerja terbabit tidak dibenarkan datang bekerja dan perlu menjalani tempoh pengasingan yang ditetapkan oleh KKM.
- 35. Pekerja-pekerja asing yang tidak tinggal di Malaysia tidak dibenarkan bekerja walaupun di syarikat-syarikat yang telah diberi kebenaran beroperasi sepanjang tempoh PKP berkuatkuasa.

Nota: Bagi mana-mana pekerja warga asing yang ingin dibuat pengecualian agar dibenarkan bekerja, perlu menjalani ujian COVID-19 dengan kos ditanggung oleh Syarikat dan menjalani kuarantin untuk tempoh 14 hari sebelum sebarang permohonan boleh dipertimbangkan.

36. Pekerja-pekerja yang baru pulang dari luar negara, tidak dibenarkan bekerja dalam tempoh 14 hari dari tarikh sampai ke Malaysia dan perlu menjalani proses kuarantin sepanjang tempoh tersebut.
37. Hanya pekerja-pekerja yang tinggal di Daerah / Zon yang sama dengan premis syarikat dibenarkan untuk bekerja berdasarkan SOP dan peraturan yang ditetapkan. Pekerja-pekerja yang tinggal di luar daerah/zon premis syarikat perlu disahkan bebas dari COVID-19 serta telah melalui proses kuarantin selama 14 hari, sebelum dibenarkan masuk bekerja di premis syarikat.

IV. PENGUATKUASAAN

38. Kementerian/Agensi yang berkaitan hendaklah mengeluarkan surat pengesahan perkhidmatan kepada syarikat/SME yang dibenarkan untuk beroperasi (cadangan hanya satu Kementerian iaitu MITI yang mengeluarkan surat pengesahan).
39. Surat pengesahan dan lampiran berkenaan hendaklah dipamerkan di premis-premis syarikat/SME.
40. Senarai pekerja perlu dikemukakan kepada IPD berhampiran.
41. MITI menyediakan sistem bersepadu penggunaan QR Code yang boleh digunakan agensi penguatkuasaan bagi menyemak dengan pantas pengesahan kebenaran untuk beroperasi (*one stop centre online system*).

42. Penguatkuasaan di premis:

- a. Surat pengesahan dan lampiran berkenaan hendaklah dipamerkan dengan jelas di premis-premis syarikat/SME.
- b. PDRM/RELA/JTK/PBT/JKKP atau mana-mana pegawai yang diberikan kuasa boleh membuat pemeriksaan pada bila-bila masa.
- c. Berdasarkan kuasa yang diberi, PDRM dan KKM boleh mengarahkan **penutupan premis dengan serta merta** sekiranya ada pelanggaran terhadap syarat kebenaran (bilangan pekerja, penjarakkan sosial, alat pelindung diri, saringan suhu badan dan sebagainya) yang diberikan.
- d. Majikan hendaklah sentiasa melakukan hebahan kesedaran penjagaan kesihatan dan kebersihan diri bagi mengelak jangkitan COVID-19.
- e. Ketidakpatuhan majikan terhadap arahan pematuhan operasi syarikat sepanjang PKP hendaklah dilaporkan kepada pihak PDRM.

43. Penguatkuasaan di Sekatan Jalan Raya:

- a. Surat pengesahan hadir bekerja perlu sentiasa dibawa oleh pekerja.
- b. Pengangkutan yang digunakan oleh syarikat perlu mempamerkan surat pengesahan beroperasi.

44. Taskforce Di Peringkat Negeri:

- a. Taskforce di peringkat negeri merangkumi MKN, PDRM, RELA, MITI, SME Corp., JTK/JKKP dan PBT perlu diperkukuhkan lagi dari segi rondaan kepada perniagaan.

- b. Mengendali aduan daripada sumber email, bilik gerakan, premis *call centre*, pekerja, orang awam dan media.
45. Penguatkuasaan mengikut zon:
- a. Penguatkuasaan di peringkat zon akan mengikut arahan dan garis panduan yang disediakan oleh pihak MKN. Dari semasa ke semasa pihak KKM dan MKN akan mengemaskini semua arahan-arahan yang berkaitan aktiviti yang dibenarkan mengikut zon
46. Pengesyoran surat pembatalan:
- a. Ketidakpatuhan kepada Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit akan menyebabkan pembatalan surat kelulusan dengan serta merta.
 - b. Makluman pembatalan hendaklah diberikan oleh *taskforce* ke pihak MITI.
47. Bagi sektor pembinaan, mana-mana kontraktor yang ingkar dengan SOP ini, jika didapati bersalah, boleh dikenakan tindakan spesifik dibawah peraturan penguatkuasaan CIDB atau lain-lain agensi yang berkaitan.

*Nota: *Sila rujuk Annex 25 Management Guidelines for Workplaces Garis Panduan Pengurusan COVID-19 di Malaysia No.5/2020*

***Kerajaan Malaysia berhak untuk meminda syarat-syarat di atas tertakluk kepada situasi semasa.**